# ATOMs

## Accounting Teaching Online Monitoring System

# User Manual

## For Teacher







## ISI KANDUNGAN


1. Pengenalan 2
2. Untuk mendapat akses kepada aplikasi ATOMs 2
3. Laman Web (Atoms) 3
4. Untuk mengisi Kod Log Masuk (Login) dan Kata Laluan (Password) 3
5. Untuk menukar kata laluan baru 4
6. Menu Utama (Main Menu) 5
7. Menu Borang Soal Selidik (Form/Submission Menu) 6
8. Untuk mengisi borang soal selidik 6
9. Untuk menjawab soalan di Bahagian B 7
10. Borang Soal Selidik Bahagian B 8
11. Menu Draf (Draft Menu) 11
12. Untuk mendapat akses kepada Menu Draf 11
13. Menu Hantar (Sent) 12
14. Untuk mendapat akses kepada Menu Hantar 12
15. Menu Cetak (Print Menu) 13
16. Untuk mendapat akses kepada Menu Cetak 13
17. Untuk keluar (logout) 13




HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

## MEMPERKENALKAN BANTUAN MANUAL APLIKASI ATOMs

Sebagai langkah untuk memudahkan anda mengisi borang soal selidik menggunakan ATOMs, sila rujuk panduan manual yang disediakan. Anda boleh mendapat akses kepada aplikasi ini dengan menggunakan program Internet Explorer.

### Untuk mendapat akses kepada aplikasi ATOMs:

- Anda diminta untuk membuka program Internet Explorer di dalam komputer anda.




- Taipkan laman web berikut : http://www.atoms.net.my



HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

## Laman Web (Atoms)

Apabila anda berjaya mengakses program ATOMs, anda akan mendapat laman web seperti di bawah:




## Untuk mengisi Kod Log Masuk (Login) dan Kata Laluan (Password) :

- Masukkan [Kod Log Masuk] dan [Kata Laluan] yg telah diberi
- Klik pada butang [Login] untuk menerima

Jika anda mengakses program ini buat kali pertama, anda dikehendaki menukar kata laluan baru untuk memastikan borang soal selidik yang akan anda isi memenuhi ciri-ciri 'sulit' dan 'persendirian'.



HAK CIPTA TERPELIHARA ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

## Untuk menukar kata laluan baru:

- Klik pada bahagian [Maklumat Pengguna] di sebelah bawah skrin utama.
- Sila isikan kata laluan baru dan juga maklumat-maklumat lain yang diminta di skrin anda.
- Apabila selesai, klik pada butang [Kemaskini]






HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

## MENU UTAMA (MAIN MENU)

Apabila selesai menekan butang [Kemaskini], skrin utama akan terpapar di komputer anda.




Sekiranya anda menerima sebarang mesej, ia akan dipaparkan di bahagian sebelah bawah skrin menu utama.



HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

## MENU BORANG SOAL SELIDIK (FORM/SUBMISSION MENU)

Apabila anda telah selesai mengisi kata laluan baru dan juga maklumat-maklumat pengguna yang lain, anda boleh meneruskan aplikasi ini dengan mengisi borang soal selidik di bahagian [Borang Soal Selidik].




### Untuk mengisi borang soal selidik:

- Klik pada menu [Borang Soal Selidik]
- Borang soal selidik akan terpapar dan anda diminta untuk membaca arahan sebelum memberikan pandangan anda.

Perlu diingatkan bahawa:

1. Anda perlu mengisi Bahagian A sehingga selesai sebelum meneruskan ke Bahagian B. Aplikasi ini 'TIDAK' akan membenarkan anda untuk meneruskan ke Bahagian B sekiranya anda belum selesai menjawab soalan di Bahagian A.
2. Anda hanya perlu menjawab setiap soalan sekali 'SAHAJA'.
3. Sekiranya anda kesuntukan masa dan ingin menyambung di masa yang lain, anda boleh menyimpan data yang sedia ada dengan menekan butang [SAVE]. Maklumat yang telah anda masukkan akan disimpan dan anda boleh menyambung di masa yang akan datang.

Sekirannya anda telah selesai mengisi semua soalan di Bahagian A, anda bolehlah meneruskan ke Bahagian B.



HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

**Untuk menjawab soalan di Bahagian B:**

- Pastikan anda telah selesai menjawab semua soalan di bahagian A
- Klik pada butang [Seterusnya]





HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

## Borang Soal Selidik Bahagian B




Skrin untuk borang soal selidik Bahagian B akan terpapar dan anda bolehlah mengulangi langkah yang sama seperti di Bahagian A.



HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

Apabila selesai,

- Klik pada butang [Hantar]






HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

Satu skrin dialog akan terpapar yang menyatakan bahawa borang anda telah berjaya dihantar. Klik pada butang [OK] untuk menerima.






HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

## MENU DRAF (DRAFT MENU)

Sekiranya anda tidak sempat untuk menjawab kesemua soalan pada satu-satu masa, anda boleh menyimpan data yang telah dimasukkan. Data-data ini kemudiannya boleh diakses di dalam Menu Draf.

### Untuk mendapat akses kepada Menu Draf:

- Klik pada Menu Draf di bahagian atas skrin utama
- Klik pada draf yang dikehendaki




Draf yang telah anda buat sebelum ini akan terpapar dan anda bolehlah menyambung sehingga selesai. Sila rujuk pada langkah mengisi borang soal selidik yang telah diberi sebelum ini.



HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

## MENU HANTAR (SENT)

Melalui menu ini, anda boleh merujuk maklumat mengenai borang soal selidik yang telah anda hantar sebelum ini.

### Untuk mendapat akses kepada Menu Hantar:

- Klik pada Menu Hantar di bahagian atas skrin utama
- Klik pada borang yang di kehendaki dan anda bolehlah melihat borang yang telah anda isikan sebelum ini.






HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006

## MENU CETAK (PRINT MENU)

Melalui menu ini, anda di benarkan untuk mencetak borang soal selidik yang telah anda isikan.

### Untuk mendapat akses kepada Menu Cetak:

- Klik pada Menu Cetak di bahagian atas skrin utama
- Buat pilihan ke atas mesin pencetak dan klik butang [OK].

### Untuk keluar (logout):

- Klik pada Menu Keluar di bahagian atas skrin utama
- Skrin utama akan terpapar secara automatik


HAK CIPTA TERPELIHARA CBL ©OSAP (ONLINE SURVEY APPLICATION PLATFORM) 2006